

TERMA DAN SYARAT
TIKTOK CHALLENGE #TERIMAKASIHPTPTN

1. TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN merupakan salah satu inisiatif PTPTN meningkatkan kesedaran kepentingan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada masyarakat melalui pendekatan hiburan maya berinformasi dan seni persembahan yang merangkumi elemen nyanyian, lakonan, atau tarian;
2. Bertemakan #TerimaKasihPTPTN, TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini juga diadakan khas bersempena dengan Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN.

TEMPOH

3. Tempoh TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN bermula **27 Julai 2022 sehingga 28 Ogos 2022**;
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

KELAYAKAN

5. Terbuka kepada **warganegara Malaysia**;
6. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.

CARA PENYERTAAN

7. Peserta perlu **Follow akaun TikTok Rasmi PTPTN @PTPTNOfficial**;
8. Peserta perlu muat naik video yang bertemakan “**#TerimaKasihPTPTN**” ke laman TikTok berserta *hashtag* **#TerimaKasihPTPTN, #PeluangKejayaanAnda #TikTokChallenge #PTPTNTikTokChallenge** dan perlu memastikan **profil TikTok ditetapkan kepada Public**;
9. Peserta perlu **tag TikTok @PTPTNOfficial**;
10. Peserta perlu menghasilkan video yang kreatif dan menarik sama ada dalam Bahasa Melayu (termasuk dialek/ loghat tempatan yang mudah difahami) atau Bahasa Inggeris **berdurasi minimum lima belas (15) saat** sahaja.

PERATURAN LAGU IRINGAN, PAKAIAN, PERALATAN TAMBAHAN DAN LAIN-LAIN

11. Pakaian para peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata;
12. Peralatan tambahan dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan;
13. Pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman serta melibatkan mana-mana agensi lain;
14. Pihak urusetia tidak bertanggungjawab dalam urusan penyediaan lagu iringan/ pakaian/ peralatan untuk peserta yang mengambil bahagian;
15. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja;
16. Video yang dimuatnaik **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman serta melibatkan mana-mana agensi lain;
17. Video yang dimuatnaik bagi tujuan TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini mestilah karya asli dan kreatif daripada peserta dan tidak melanggar hak-hak pihak ketiga (termasuk hak cipta).

PEMILIHAN PEMENANG

18. Pemenang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - i. Kandungan mesej;
 - ii. Impak dan viraliti (*views*);
 - iii. Kreativiti dan keseniaan; dan
 - iv. Suntingan dan kekemasan.
19. Tarikh akhir pengiraan *views* adalah pada **04 September 2022, 11.59 PM**;
20. Pengumuman pemenang akan dimaklumkan di profile TikTok Rasmi PTPTN di @PTPTNOfficial;
21. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

HADIAH DAN TUNTUTAN HADIAH

HADIAH	BILANGAN PEMENANG
Utama : RM2,500	1
Saguhati : RM250	24
Jumlah Pemenang	25

22. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian;
23. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*;
24. Hadiah tunai yang dimenangi oleh peserta adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan cukai. Potongan yang dituntut adalah terhadap kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman peserta) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhadap kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja;
25. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;
26. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut;
27. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
28. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan;
29. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang;
30. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan;
31. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan.

PERUNTUKAN UMUM

32. Sebagai peserta yang mempunyai akaun aktif, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi;
33. Untuk mengambil bahagian di dalam TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini, peserta mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisma. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, peserta tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN.
34. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini sama ada secara keseluruhan dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
35. Peserta adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini;
36. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
37. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
38. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
39. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;
40. Penyertaan peserta dalam TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.

TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN

41. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
42. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN yang tidak dinyatakan di dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN;
43. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN;
44. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN*

Maklumat dikemaskini pada 25 Julai 2022